

KAUNSELING: SATU PENGENALAN



OLEH: HAZAILA BINTI HASSAN

Unit Kaunseling

Bahagian Khidmat Pengurusan

JPA

Definisi kaunseling

Kaunseling sebagai satu proses perhubungan menolong yang sistematik berasaskan prinsip psikologi yang dilakukan oleh kaunselor profesional bagi menghasilkan perubahan, perkembangan dan penyesuaian peribadi klien, yang baik dan menyeluruh secara sukarela sepanjang hayat berlandaskan etika kaunseling *PERKAMA*



Suatu proses sistematis untuk membantu perhubungan berdasarkan prinsip-prinsip psikologi yang dilaksanakan oleh kaunselor berdaftar mengikut kod etika kaunseling untuk mencapai suatu perubahan, kemajuan dan penyesuaian yang holistic, baik dan sukarela pada diri klien supaya perubahan, kemajuan dan penyesuaian itu akan berterusan sepanjang hayat klien

Akta Kaunselor 1998 (Akta 580)



Kaunseling Islam

Satu proses interaksi bersemuka di antara kaunselor dan klien yang matlamatnya *melahirkan insan yang sempurna* (insan kamil) di mana individu itu kenal dirinya, kenal masalah kehidupannya dan ia cuba mengatasi dengan menggunakan kemampuan yang ada padanya dan pada masa yang sama mengembangkan dirinya menjadi personaliti Islam yang sesuai dengan fitrahnya melalui petunjuk Rabbani.

Abdul Hashim



Pengertian kaunseling



- Hubungan dua hala
- Kaunselor mendengar dan memahami
- Membantu individu sedar tentang diri sendiri
- Membantu individu mendapatkan pandangan yang jelas berkaitan dengan masalah
- Proses kaunseling dilaksanakan melalui perkongsian cerita, melahirkan perasaan, mendapatkan pengetahuan atau maklumat baru hasil dari interaksi dengan kaunselor

Bentuk Kaunseling

☞ **Kaunseling Individu**

☞ **Kaunseling Kelompok**

☞ **Kaunseling Keluarga**

☞ **Kaunseling Perkahwinan**

☞ **Kaunseling Kerjaya**



Prinsip dan Keperluannya

Maksud prinsip:

Panduan, rukun atau asas yang menjadi dasar pemikiran atau tindakan.

Keperluannya:

Mengetahui prinsip-prinsip kaunseling ini dapat membantu kaunselor menjalankan kaunseling dengan lebih berkesan dan mantap.



Prinsip-prinsip Kaunseling

- Manusia mempunyai harga diri
 - Manusia itu unik
 - Manusia yang memiliki personaliti yang bersepadu adalah manusia yang sihat
- Manusia cenderung ke arah kesempurnaan sendiri (Self-Actualization)



- Ruang masa untuk membuat sebarang keputusan atau tindakan dalam permasalahan
- Klien dapat timbul kesedaran sendiri & keinsafan apabila:
 - kaunselor tidak memandang klien secara negatif
 - kaunselor membantu sedaya upaya
- Kebanyakan individu adalah manusia normal
- Permasalahan muncul daripada pengaruh persekitaran



Matlamat kaunseling

- **Mempermudahkan atau menggerakkan perubahan tingkah laku.**
- **Mempertingkatkan kemahiran menghadapi perubahan**
- **Mempertingkatkan kemampuan membuat keputusan**
- **Memperbaiki hubungan dengan individu yang lain**
- **Memperkembangkan potensi diri**



Proses kaunseling

1. Tahap Pertama

- Memahami Masalah

2. Tahap Kedua

- Mencari Penyelesaian Masalah

3. Tahap Ketiga

- Strategi dan Perlaksanaan Tindakan



Perbezaan nasihat, bimbingan dan kaunseling

Nasihat

- Pengajaran dan tunjuk ajar untuk peringatan
- Dilakukan oleh sesiapa sahaja
- Terdapat elemen tunjuk ajar
- Diberi satu cadangan dan cara bagaimana dilaksanakan.
- Orang yang menasihati memasukkan nilai
- Tiada elemen menilai potensi diri



Perbezaan nasihat, bimbingan dan kaunseling

Bimbingan

- Pengawasan dan pengajaran berterusan
- Membantu seseorang melakukan sesuatu
- Boleh diberikan oleh sesiapa sahaja
- Berbentuk arahan bukan saranan.
- Tidak mengenali dan menilai potensinya.



Perbezaan nasihat, bimbingan dan kaunseling

Kaunseling

- Proses menolong yang profesional
- Bertujuan bantu individu memahami diri dan alam sekitar.
- Dilakukan oleh kaunselor yang telah menjalani latihan khusus
- Klien diberi alternatif dan saranan-saranan
- Klien dapat meneroka dan mengenal pasti potensi diri



TAKE
A
BREAK



KAUNSELING DAN ISLAM

- **Kewajiban setiap orang Islam**
 - Menjadi tanggungjawab dan hak seorang Muslim untuk menolong, menegur dan membimbing saudaranya yang lain
 - *Barangsiapa menyejukkan mata seseorang Mukmin (menghilangkan kesusahannya), nescaya Allah akan menyejukkan matanya di hari Kiamat - Hadith*



Pendekatan rawatan dalam Islam

- Sebarang permohonan dan pertolongan hanya ditujukan pada Allah
- *Hanya Engkaulah (Ya Allah) yang kami sembah dan hanya kepada Engkaulah kami meminta pertolongan - Al-Fatihah:5*





Prinsip kaunseling Islam

1. Asasnya perlu diikuti dan dilaksanakan dalam batas-batas syarak yang diizinkan serta jika bercanggahan dengan batas-batas syarak ia wajib ditinggalkan.

“Apa sahaja yang Allah halalkan dalam kitabnya, maka ia adalah halal; dan apa saja yang Ia haramkan, maka dia itu adalah haram; sedangkan apa yang Ia diamkannya, maka dia itu dibolehkan (ma’fu). Oleh kerana itu terimalah dari Allah kemaafannya itu, sebab sesungguhnya Allah tidak bakal lupa sedikitpun”
(Hadis Riwayat Hakim dan Bazzar)



- 2. Bantu-membantu dalam kebajikan & taqwa.**
- 3. Mendorong individu membuat keputusan mengikut keredhaan Allah**
- 4. Pembinaan rohani melalui ibadah seharian**

“(laitu) orang-orang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, dengan mengingat Allahlah, hati menjadi tenteram”- Al-Ra’d:28



Setiap masalah ada penyelesaiannya

- Setiap yang berlaku ada hikmahnya.
- *Oleh itu maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertakan dengan kemudahan - Al-Insyiraah:5*
- *Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya - Al-Baqarah:286*



Peranan Kaunselor Muslim

1. *Redha dan Rasional*

- Membawa klien ke arah mencari keredhaan Allah
- Menginsafi setiap perkara atau masalah adalah satu ujian Allah

“Apakah manusia mengira mereka akan dibiarkan saja mengatakan: ‘kami telah beriman’ lalu mereka tidak diuji? Kami telah menguji manusia sebelum mereka dan sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar dan orang-orang yang berdusta.”

Surah Al-Ankabut :2-3



2. Doa dan Sokongan

- Hubungan kaunselor dan klien tidak akan terhenti di bilik kaunseling sahaja
- Kaunselor mendokan kesejahteraan kliennya
- *“Bila seseorang mendoakan diri sahabatnya, sedang ia tidak bersamanya, maka Malaikat akan berkata: Dan engkau juga akan menerima seperti nya juga.”- Hadīth*





3. Pegangan dan Pengertian

- Meyakinkan klien bahawa apa juga teknik dan cara yang digunakan dalam sesi kaunseling hanya berkesan dengan izin Allah
- Penting diterangkan supaya klien tidak terlalu bergantung harap kepada kaunselor hingga membelakangkan ketentuan Allah
- Mengingatkan klien bahawa kaunseling tidak akan memberi kesan tanpa usaha sendiri dan dengan izin Allah

*The great aim of
education is not
knowledge but action*

